



- 1. JURUKAMERA ENG**  
**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**C.2-3 EB.4 (\$1,990 - \$2,620 SEBULAN)**  
**C.2 EB.3 (1,990 - \$2,270 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = 3**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang *Cinematography* / Kejuruteraan Elektronik / Media Komunikasi / atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Jurukamera ENG atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 4 tahun dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 8 tahun.

**LAIN-LAIN SYARAT:**

1. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
2. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
3. Mempunyai kebolehan dan pengetahuan yang meluas dalam penggunaan "*Hand Held Camera*".
4. Menunjukkan minat dan kecekapan serta mempunyai pengalaman dalam bidang tugas rakaman / penggambaran / penyiaran / kewartawanan.
5. Mempunyai sikap yang positif, komitmen dan daya saing yang tinggi dalam bidang penyiaran / kewartawanan.
6. Mempunyai pengetahuan yang meluas mengenai hal ehwal serantau dan dunia.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUKAMERA ENG:**

1. Jurukamera ENG adalah bertanggungjawab kepada Pengurus Unit ENG bagi tugas-tugas penggambaran secara "*multi-skilling*" dengan menggunakan kamera elektronik.
2. Mestilah berkemampuan bekerja tanpa bimbingan untuk melaksanakan "*shot-list*" atau arahan-arahan di dalam penerbitan yang diberikan oleh pemberita atau penerbit dan berkebolehan untuk membuat penggambaran dengan citarasa yang baik tanpa arahan.
3. Hendaklah mempunyai sikap dan tanggungjawab yang cekap dalam mengendalikan segala urusan di bawah arahan pemberita atau penerbit.
4. Sebagai anggota kanan krew ENG, Jurukamera ENG hendaklah berkebolehan didalam membuat liputan secara berpasukan dan mengetahui tentang fungsi-fungsi krew yang mengendalikan lampu dan suara memberi arahan dan nasihat kepada krew-krew yang bertugas.
5. Jurukamera ENG hendaklah bersedia menerima arahan daripada Pengurus Unit ENG untuk bertugas membuat penggambaran secara "*multi-skilling*" di luar negeri samada liputan berita ataupun rancangan.
6. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Penerbit atau Pemberita.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dan semasa ke semasa.